

LAPORAN TAHUNAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

2012





LAPORAN TAHUNAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

SIDANG PENGARANG

Ketua Sidang Pengarang

Fazidah binti Ithnin

Sidang Pengarang

Samsul bin Samdin

Mohd Azmi bin Mat Said

Noornahar binti Akashah

Amir Akmal bin Alwee

Mohd Hafiz bin Bakar

Farudin Hanif bin Ya'amah

Ahmad Hafiz bin Mohd Puad

Aida binti Salleh

Ahmad Faizal bin Abdul Rahman

Muhamad Zulkhalid bin Md Isa

Mohd Farid bin Mohd Khalid

Mohd Erwan bin Md Yusop

Zulfatria bin Abdullah

Laporan Kewangan

Khairul bin Taib

Noraini binti Zabidin

Rekaletak & Grafik

Aziza binti Md Buang

Khairul Fakhru radhi bin Borhan

Ahmad Saufie bin Jaffar

Urus Setia

Bob Faizeli bin Mohamed Din

Al Rohaiya binti Adanan

ISI KANDUNGAN

Maklumat Korporat & Profil Universiti	5
Laporan Naib Canselor	17
Pencapaian & Pengiktirafan	29
Kualiti & Akreditasi	35
Akademik	45
Antarabangsa	53
Penyelidikan & Inovasi	69
Jaringan Industri & Masyarakat	77
Pembangunan Kampus	69
Gedung Ilmu	99
Infra & Info ICT	103
Pembangunan Pelajar	107
Pengurusan Sumber Manusia	113
Laporan Kewangan	121





Maklumat

Korporat & Profil Universiti



Visi

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif
terkemuka di dunia

Misi

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada
kesejahteraan negara dan dunia dengan:

1. Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan
kesarjanaan teknikal yang inovatif
2. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional
3. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti

Moto

Kompetensi Teras Kegemilangan





Matlamat Pendidikan

1. Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan kepada keperluan industri;
2. Melahirkan graduan dengan pengetahuan relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial;
3. Menyemai dikalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kritikal, kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan;
4. Menggalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara;
5. Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan;
6. Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan;
7. Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.



CANSELOR

TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB

Tuan Yang Terutama

Yang di-Pertua Negeri Melaka



PRO CANCELOR

TAN SRI DATUK DR. JOHARI BIN MAT



NAIB CANSELOR

PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN



**PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

DATUK IR. DR. HAJI AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN

AHLI LEMBAGA PENGARAH

PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF
BIN HASSAN

Ahli Lembaga Pengarah

DATUK IR. DR. HJ. AHMAD ZAIDEE
BIN LAIDIN

Pengerusi Lembaga Pengarah

DATUK WIRA OMAR
BIN KASEH

Ahli Lembaga Pengarah

DATUK WIRA IR. HJ. IDRIS
BIN HJ. HARON

Ahli Lembaga Pengarah

DATUK DR. HJ. ABDUL RAMAN
BIN HJ. SAAD

Ahli Lembaga Pengarah

TAJOL AZHAR
BIN MD. TAHIR

Ahli Lembaga Pengarah

OMAR SHARIFF
BIN MYDEEN

Ahli Lembaga Pengarah

PROF. DR. SHAMSUDDIN
BIN BAHARIN

Ahli Lembaga Pengarah

AZRUL BIN AZIZ
Ahli Lembaga Pengarah

SHAHID-DIN
BIN MOHD Khatib
Ahli Ganti
Kementerian Pengajian
Tinggi Malaysia

DATUK HASAN BIN SIRUN
Setiausaha

PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI



PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
Naib Canselor

PROF. IR. DR. MOHD. JAILANI BIN MOHD. NOR
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB@SAHIBUDDIN
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

PROF. DR. MUHAMMAD GHAZIE BIN ISMAIL
Penolong Naib Canselor
(Jaringan Industri Dan Masyarakat)

PROF. MADYA DR. IZ Aidin Bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

KHAIRUL BIN TAIB
Bendahari

DATUK HASAN BIN SIRUN
Pendaftar

HAJAH FARIDAH BINTI HJ MD AMIN
Ketua Pustakawan

PROF. DR. MOHD RAZALI
BIN MUHAMAD
Dekan, Pusat Pengajian Siswazah

PROF. MADYA DR. ABDUL RANI
BIN OTHMAN
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektronik
dan Kejuruteraan Komputer

PROF. MADYA DR. ZULKIFILIE
BIN IBRAHIM
Dekan, Fakulti Kejuruteraan

DR. NOREFFENDY
BIN TAMALDIN
Dekan, Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal

PROF. MADYA DR. MOHD RIZAL
BIN SALLEH
Dekan, Fakulti Kejuruteraan
Pembuatan

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

PROF. MADYA DR. MOHD KHANAPI
BIN ABD GHANI
Dekan, Fakulti Teknologi
Maklumat dan Komunikasi

PROF. MADYA DR. MD. NOR HAYATI
BIN TAHIR
Dekan, Fakulti Pengurusan
Teknologi dan Teknousahawanan

PROF. MADYA MOHD RAHIMI
BIN YUSOFF
Dekan, Fakulti Teknologi
Kejuruteraan

DR. MARIANA
BINTI YUSOFF
Dekan, Pusat Bahasa dan
Pembangunan Insan





LAr. ABDUL WAHAB
BIN HARUN
Pengarah, Pejabat Pembangunan



MOHD ISA BIN
MOHD DOM
Pengarah, Pusat Komputer



PROF. MADYA SHAHDAN
BIN MD.LANI
Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti
dan Akreditasi



PROF. MADYA DR. SYED NAJMUDDIN
BIN SYED HASSAN
Pengarah, Pusat Pengajaran
dan Pembelajaran



RUZIAH BINTI ALI
Pengarah Penerbit Universiti



DR. RADZUAN BIN NORDIN
Pengarah, Pusat Islam



Profil Universiti


Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 adalah merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke 14 dan universiti teknikal yang pertama di Malaysia. Di awal penubuhannya UTeM dikenali sebagai Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM). Pada 1 Februari 2007 KUTKM telah diberikan penarafan sepenuhnya dan dikenali sebagai UTeM.

UTeM beroperasi di Kampus Induk yang terletak di kawasan tanah seluas 726.77 ekar dalam Mukim Durian Tunggal, Alor Gajah, Melaka. Selain itu, UTeM turut memiliki dua buah kampus iaitu Kampus Industri dan Kampus Bandar yang ditubuhkan sejajar dengan perkembangan pesat universiti.

Terdapat 7 buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

Sehingga kini terdapat sebanyak 90 program pengajian ditawarkan di UTeM merangkumi 5 program Diploma, 39 Ijazah Sarjana Muda, 31 Sarjana, 7 Doktor Falsafah dan 4 Doktor Kejuruteraan.


Untuk menghadapi cabaran dan trend pendidikan tinggi global, UTeM telah meletakkan 6 tema strategik iaitu melonjak kecemerlangan pendidikan teknikal, merintis teknologi masa hadapan, membentuk pemimpin berciri teknousahawanan, memperkasa potensi komuniti, dan industri pengurusan bakat dan kelestarian kewangan yang akan menjadi asas kepada rangka kerja transformasi universiti.





Laporan

Naib Canselor



UTeM berhasrat untuk muncul sebagai sebuah universiti Teknikal yang kreatif, Inovatif dan terkemuka di dunia, agenda perubahan ke arah kecemerlangan yang mengambil inovasi dan kreativiti sebagai pemacu kegemilangan pembangunan kampus yang lestari telah dilaksanakan dan digunakan

Laporan Naib Canselor

Assalammualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, tahun 2012, telah meninggalkan banyak catatan bermakna yang menjadi wadah dan citra kepada perkembangan UTeM bagi tahun mendatang. Sebagai sebuah Universiti Teknikal yang kreatif, inovatif dan terkemuka di dunia. Agenda perubahan ke arah kecemerlangan inovasi dan kreativiti sebagai pemacu kegemilangan pembangunan kampus yang lestari menjadi teras kepada warga UTeM. Bersesuaian dengan hasrat tersebut, tema tahun 2012 “Terus Bertekad Menerajui Kecemerlangan” merupakan tuntutan kepada warga UTeM untuk sentiasa terkehadapan, merintis perubahan dan membudayakan kecemerlangan. Ajakan ini bersesuaian dengan tagline baru yang dilancarkan iaitu Always a Pioneer, Always Ahead (Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui).

UTeM sentiasa berusaha gigih untuk menyediakan program akademik yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan dan juga memenuhi kehendak jaminan kualiti. Pencapaian dalam penyelidikan dan inovasi mencerminkan komitmen serta kemajuan universiti, sekali gus memberi tambah nilai dalam keilmuan dan kapasiti negara.





Pembangunan Akademik

Enrolmen pelajar yang mengikuti pengajian di UTeM pada sesi 2012/2013 adalah seramai 10,013 orang. Seramai 9,145 adalah pelajar prasiswazah yang terdiri daripada 1,173 Diploma dan 7,972 Sarjana Muda manakala 868 pelajar pascasiswazah merangkumi 664 di peringkat Sarjana dan 204 orang di peringkat Kedoktoran. Pada sesi pendaftaran pelajar baru semester 2012/2013, seramai 3,074 pelajar telah mendaftar di UTeM dengan agihan seramai 255 pelajar Diploma, seramai 2,483 pelajar Ijazah Sarjana Muda, 270 program Sarjana, 11 pelajar mengikuti Doktor Kejuruteraan dan 55 mengikuti program Doktor Falsafah. Perkembangan bilangan pelajar ini amat jelas membuktikan signifikannya UTeM dan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dalam mengarusperdana Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT) serta menyediakan aliran kerjaya di peringkat tertinggi.

Sebanyak 15 program akademik telah berjaya mendapat pengiktirafan dari badan profesional sekali gus, mencapai sasaran pada tahun 2012. Antara pengiktirafan yang diperolehi adalah daripada Asea Uninet, Universities Mobility in the Asia and the Pacific (UMAP), German Academic Exchange Services/ Deutscher Akademischer Austausch Dienst (DAAD), British Council dan EURAS (European Central Asia Universiti Consortium).



Majlis Konvokesyen ke-8 yang telah diadakan pada 20 - 21 Oktober 2012, bertempat di Dewan Besar UTeM telah menyaksikan seramai 1,862 orang graduan menerima ijazah dan diploma yang merupakan peningkatan sebanyak 23% bilangan bergraduasi dari tahun 2011, iaitu 1,502 graduan. Pada majlis tersebut tiga tokoh ternama telah dianugerahkan Ijazah Kehormat, antaranya Tan Sri Mohd. Sidek Hassan telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan. Dr. Edi Noersasongko penerima Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan



Pendidikan Teknologi Maklumat dan Datuk Seri Mohd. Nadzmi Mohd. Salleh penerima Ijazah Kehormat Doktor Keusahawanan. Dua pelajar UTeM Khairul Nabilah binti Zainul Ariffin dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer serta S. Loganesh dari Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi merupakan penerima Anugerah Pelajaran Diraja.

Sebagai sebuah universiti berfokus, UTeM mempunyai kekuatan dalam bidang teknikal kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan teknologi. Gabungan tenaga staf akademik berjumlah 813 orang serta staf pentadbiran yang berjumlah seramai 1,131 pada tahun 2012, merupakan kekuatan penting yang berperanan mengerakkan pengurusan pentadbiran dan aktiviti pembelajaran bagi 90 program pengajian yang ditawarkan di 7 buah fakulti. UTeM terus meningkatkan pengisian jawatan akademik pada setiap tahun dan pada tahun 2012 seramai 111 staf akademik baru telah mengisi kekosongan melalui lantikan baru, pertukaran skim dan

kenaikan pangkat. Malah, pada tahun 2012 juga seramai 184 orang staf akademik melanjutkan pengajian diperingkat PhD dan 28 orang diperingkat sarjana di dalam dan luar negara.

Kekuatan ahli akademik merupakan faktor perkembangan UTeM pada masa hadapan. Ahli akademik berkualiti dan sentiasa didorong oleh keyakinan diri untuk melakukan sesuatu yang luar biasa. Ahli akademik seperti Dr. Massila bt. Kamarudin (Kejuruteraan Perisian) dan Prof. Madya Dr. Goh Ong Sing (Teknologi Kecerdasan Buatan) telah berpeluang mengikuti program Pasca Kedoktoran Swinburne University Of Technology dan Murdoch University, Australia sebagai usaha memperkasakan bidang kepakaran dan penyelidikan mereka. Begitu juga dengan ahli akademik yang kepakaran mereka amat diperlukan di luar negara. Dua staf Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan iaitu Prof. Mohd Taib bin Dora telah dipinjamkan ke Beijing Foreign Studies University dan menyandang Kerusi Pengajian Melayu di sana manakala Datuk Profesor Madya Dr. Hj. Su'aidi Bin Dato'

Safei pula dipinjamkan ke Education Malaysia di Kaherah. Profesor Madya Dr. Burhanuddin Bin Mohd Aboobaidar (Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi) telah dipinjamkan ke King Abdul Aziz University, Arab Saudi. Pencapaian ahli akademik ini amat membanggakan universiti.

Perkembangan teknologi menjadi teras kepada usaha mendidik modal insan melalui pemilikan peralatan dan kemudahan termaju yang membolehkan pelajar menjalankan sesi latihan teknikal dan eksperimen di makmal yang telah disediakan. Salah satunya adalah kemudahan yang terdapat di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan yang memiliki mesin Milling 5 axis (DMU 60 monoBlock) yang merupakan pelengkap kepada bidang pemesinan moden yang mana fungsi utamanya adalah universal, produktif dan efisien dari semua sudut pemesinan moden. Sementara di Fakulti Teknologi Kejuruteraan dilengkapi peralatan CNC Gantry Machine yang berkeupayaan menghasilkan prototaip produk machining yang berskala besar (anggaran 0.9m x 1.5 m). Selain kemudahan mesin, Studio Multimedia yang terletak di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi turut dilengkapi dengan mini teater, studio rakaman dan ruang penggambaran video.



Agenda pengantarabangsaan juga telah mencatatkan peningkatan. Jumlah pelajar antarabangsa yang direkodkan pada tahun 2012 adalah seramai 378 orang pelajar berbanding tahun 2011 iaitu seramai 304 pelajar. Pada tahun 2012, pelajar dari Indonesia mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 129 orang pelajar, diikuti pelajar dari Yemen seramai 37 orang pelajar, Iraq seramai 67 orang pelajar dan Libya seramai 22 orang pelajar.

Program mobiliti pelajar juga memperlihatkan seramai 35 orang pelajar dari Indonesia dan Korea Selatan telah menyertai aktiviti Inbound Mobility, manakala bagi Outbound Mobility seramai 43 orang pelajar UTeM telah dihantar ke Korea dan Indonesia. Antara institusi yang terlibat adalah Institut Teknologi Bandung (ITB), Informatic and Business Institute Darmajaya (IBI), Kumoh National Institute of Technology Korea dan Universitas Dian Nuswatoro (UDINUS), Indonesia.

Inisiatif mempertingkatkan kerjasama strategik di Peringkat Antarabangsa telah ditandatangani antara UTeM dan Universiti Luar negara. Pada tahun 2012, tiga Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Institute of Technology Ireland (OITI) dan Universitas Atma Jaya Yogyakarta, Indonesia.

Penyelidikan dan Inovasi

Pada tahun 2012, terdapat pertambahan pada jumlah penyelidikan yang telah dijalankan oleh warga UTeM. Bagi tahun 2012, seramai 485 penyelidik aktif terlibat dalam penyelidikan berbanding 441 penyelidik aktif pada tahun 2011. UTeM juga menerima peruntukan geran berjumlah RM10,548,253.03 iaitu RM7,601,314.03 daripada geran luar (RAGS, RACE, Geran MTUN CoE, FRGS, ERGS, PRGS dan LRGS) dan RM2,946,939.00 merupakan geran dalaman UTeM di mana telah diagihkan kepada 131 projek penyelidikan jangka pendek (PJP).

Bagi memakmurkan inisiatif penyelidikan, UTeM menjadikan Universiti Penyelidikan sebagai mentor dan menjalinkan hubungan win-win situation di dalam bidang penyelidikan. Pada tahun 2012, UTeM telah diberi kepercayaan sebagai sekretariat MTUN Centre Of Excellence (COE). Pusat ini telah mendapat peruntukkan sebanyak RM8 juta yang berperanan menggabungkan kepakaran daripada 4 Universiti MTUN. Justeru itu, untuk memastikan pusat kecemerlangan ini direalisasikan maka setiap fakulti telah diminta menumpukan bidang tujahan sebagai fokus kekuatan yang memberi impak dan mempunyai nilai serta niche yang bersifat watan.



Menerusi keunikan serta tahap inovasi tinggi produk penyelidik UTeM, pada tahun 2012 sebanyak 49 pingat telah diperolehi melalui pertandingan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Pengiktirafan ini membuktikan hasil penyelidikan UTeM sememangnya berkualiti serta mampu memenuhi keperluan industri seterusnya memacu perkembangan ekonomi negara dengan penggunaan teknologi juga inovasi terkini. Sebanyak 36 produk penyelidikan telah berjaya diprototaipkan dan 17 produk telah difailkan perlindungan harta intelek manakala 1 produk berjaya dipatenkan iaitu Baju Kalis Peluru (Coconut Body Armour) yang telah mencapai status pewartaan oleh MyIPO.

Dalam aspek pengukuhan kerjasama serta perkongsian pintar UTeM turut mengorak langkah dengan memeterai 8 MoU dan 2 MoA dengan syarikat serta industri berpotensi. Jaringan strategik ini dapat menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTeM. Antara langkah proaktif lain yang telah dilaksanakan UTeM bagi memperkukuhkan hubungan industri adalah menerusi siri ceramah Eksekutif oleh tokoh berpengalaman seperti Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Hassan Said, Y.Bhg. Dr. Matthias Ludwig dan Prof. Paul D. Hannon Chief.




UTeM turut melakar kegemilangan di peringkat nasional apabila terpilih sebagai pemenang bagi kategori Staf Keusahawanan Inovatif pada Majlis Anugerah Keusahawanan, Kementerian Pengajian Tinggi 2012. Kemenangan ini telah menyuntik semangat warga UTeM untuk terus menunjangi keusahawanan sebagai salah satu elemen penting dalam melahirkan modal insan berkualiti selaras dengan hasrat KPT. UTeM turut mencipta sejarah apabila pensyarah daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan telah terpilih sebagai pemenang yang mewakili Malaysia dalam kategori "Asean Country Winner" melalui bidang keusahawanan teknologi hijau (Green Entrepreneur) dan selain itu dipilih antara empat penyelidik terbaik di Asia Tenggara untuk

menerima "Excellent Prize Winner". Sementara Pertandingan Proton Green Mobility Challenge 2012 yang diadakan di Litar Antarabangsa Sepang telah menyaksikan kehebatan kepakaran kumpulan EverGREEN, gabungan staf dan pelajar UTeM berjaya menduduki tempat ketiga dalam acara keseluruhannya. Pertandingan tersebut mencabar pasukan membina kenderaan elektrik menggunakan platform Proton Saga BLM. Dalam cabaran tersebut UTeM mengungguli kategori seperti V-MAX (Halaju Maksimum 2 pusingan litar) dengan masa dicatatkan oleh pemandu utama EverGREEN, Logan Raj selaju 126km sejam, kategori promosi dan penajaan serta menerima geran penyelidikan dan pembangunan.



Dalam merangsang peningkatan Kebolehpasaran Graduan, UTeM telah mengadakan Program CEO Roundtable 2012 yang menghimpunkan beberapa pemimpin industri terdiri dari Ketua Pegawai Eksekutif dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Program tersebut bertujuan mendapatkan pandangan dan saranan pihak industri terhadap ciri-ciri graduan yang diperlukan di pasaran kerja semasa, pembentukan program akademik yang relevan dengan keperluan industri, menjalinkan rangkaian kerjasama strategik serta memperkasakan perkongsian penyelidikan.

UTeM turut menganjurkan program memperkasakan kemahiran insaniah, menerapkan nilai keusahawanan, pembangunan dan kebolehpasaran graduan dikalangan pelajar menerusi Program Kerjaya “Professional Career Opportunities With MNCs”, Program Graduate Employability Enhancement And Added-Value Training (GREAT), Graduate Leadership, Assessment and Development (GLAD), SME-University Internship Programme 2012, Program Campus Connect KPT-Western Digital (WD) dan Industry-Center of Excellence (I-CoE): UTeM – Infineon (M) Sdn. Bhd.



Pembangunan Staf dan Pelajar

Pada tahun 2012, memperlihatkan hampir keseluruhan staf telah mengikuti Program PINTAR dan UTeM terus mengorak langkah dengan mewujudkan program **PERINTiS**. Program **PERINTiS** ini dibangunkan selaras dengan hasrat Universiti untuk meneraju perubahan ke arah Universiti Teknikal berstatus “APEX Technical University” dan aktiviti ini direka khusus bagi memenuhi keperluan akal, jasad juga roh yang seimbang untuk melahirkan warga kerja Universiti yang terbilang. Disamping itu, satu program pembangunan kepimpinan yang bertujuan membangunkan lapisan pemimpin UTeM yang berfokuskan kepimpinan dan pemikiran strategik turut diwujudkan.

UTeM juga menyokong staf untuk meluaskan pengetahuan dan pengalaman ke peringkat PhD dan Sarjana sama ada di dalam mahupun di luar negara dan peluang ini telah dimanfaatkan oleh 184 orang staf sehingga Disember 2012. Secara keseluruhannya, peningkatan penyertaan staf dalam sesi pembelajaran merupakan petunjuk positif ke arah pembentukan pekerja berpengetahuan (knowledge-worker) dan pelbagai kemahiran (multi-skilled) yang menjadikan staf UTeM berfikiran kreatif, berilmu dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Selain staf, UTeM amat menitikberatkan aspek pembangunan pelajar secara holistik. Bagi mencapai hasrat ini, program-program yang menekankan aspek kreativiti dan inovasi amat digalakkan. Pada Kejohanan Sukan Universiti ASEAN (AUG) Kali ke 16, Pasukan Badminton Malaysia dibawah kendalian UTeM telah berjaya menyumbang 2 pingat Emas, 2 Perak dan 3 Gangsa dan ini membantu Kontinjen Malaysia menjadi Juara Keseluruhan Kejohanan. Di samping atlet pelajar UTeM Muhammad Aiman Husin (pelajar FKE) berjaya meraih pingat Perak bagi Kategori Double Lelaki untuk acara badminton. Sementara pada Karnival Sukan IPT Negeri Melaka, UTeM menjadi Juara dengan penyertaan sebanyak 21 acara yang dipertandingkan dan hasilnya mendapat 7 Emas, 4 Perak dan 3 Gangsa.

UTeM terus mencatat sejarah dengan merangkul banyak pencapaian lain seperti The Most Innovative Award (Modul Keselamatan Kebakaran untuk murid sekolah), Naib Johan National Business Video Challenge, pemenang Kategori Laporan Universiti Terbaik (Tempat kedua), Pertandingan Simulasi Perniagaan IPTA (Tempat ketiga), Proton Green Mobility Challenge dan Formula Varsity yang telah memahat nama UTeM di dalam bidang kejuruteraan automotif.



Pembangunan Fizikal, Fasilitas dan ICT

Secara keseluruhannya, Pembangunan Kampus Induk UTeM terletak dikawasan seluas 726.77 ekar telah dijalankan secara berperingkat-peringkat. Melalui peruntukan dari Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10), beberapa projek pembangunan dan menaiktaraf peralatan telah dijalankan.

Hasrat UTeM untuk memiliki kolej kediaman pelajar di dalam kampus tercapai dengan pembinaan Kolej Kediaman Lestari di Kampus Induk UTeM yang berkapasiti 1,020 pelajar dan dilengkapi dengan fasiliti dewan serbaguna dan lapangan sukan. Projek pembinaan ini telah dimulakan pada 22 Ogos 2011 dan siap sepenuhnya pada Oktober 2012. Pembangunan asrama berkapasiti 5,000 pelajar secara kerjasama Awam Swasta juga telah mendapat perakuan melalui Memorandum Jemaah Menteri dan bakal dimulakan pada tahun 2014. Sehingga kini, UTeM masih mengekalkan kemudahan 7 kolej kediaman di luar Kampus Induk UTeM.



Di samping itu, usaha kawal selia dan menaiktaraf terhadap fasiliti-fasiliti yang sedia ada seperti padang bola sepak, gelanggang tenis, laluan pejalan kaki, pusat kurikulum, flying fox, dan laman interaksi pelajar sentiasa mendapat perhatian universiti. Prasarana yang baik dan terjaga telah menimbulkan suasana selesa dan kondusif merangsang warga UTeM untuk menggunakan fasiliti tersebut dengan baik selaras dengan kempen "UTeM MyHome".

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 53 Projek ICT telah dirancang untuk dilaksanakan merangkumi kemudahan infrastruktur dan infostruktur ICT bagi menyokong operasi pentadbiran universiti serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Projek menaiktaraf kemudahan Internet dan intranet serta penyediaan kemudahan WiFi di kolej kediaman pelajar telah memantapkan mutu capaian Internet dan penggunaan sistem aplikasi web dalaman secara serentak, seiring dengan penambahan pelajar UTeM. Capaian Internet yang telah dinaiktaraf juga turut menyumbang kepada penarafan 5 bintang bagi laman web rasmi UTeM oleh Multimedia Corporation Development (MDeC) buat kali yang kedua berturut-turut.

Rumusan

Secara keseluruhannya, pada tahun 2012 saya telah melihat tiga perkara utama dalam menerajui UTeM, yang mana aspek yang disasarkan, iaitu kecekapan pengurusan universiti, keberkesanan perancangan projek dan penciptaan lebih banyak kejayaan untuk memahat nama universiti diperingkat nasional, serantau dan global telah terlaksana. UTeM terus berperanan untuk melahirkan modal insan dalam bidang teknologi kejuruteraan dalam usaha mengarusperdana Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional seperti yang dihasratkan oleh negara.

Di samping itu, situasi perbelanjaan dengan amalan berjimat cermat yang telah dilaksanakan telah memungkinkan pelaksanaan projek-projek melalui inisiatif-inisiatif strategik baru yang kesemuanya memberikan pulangan yang tinggi dan hebat kepada UTeM.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya warga universiti yang terus berusaha gigih untuk kita semua sehingga berada di tahap ini. Semoga laporan tahunan ini menjadi rujukan dan panduan untuk terus menunjangi pembangunan universiti. Saya menyarankan semoga pencapaian dan usaha berterusan memajukan UTeM ke persada yang lebih tinggi mampu dicapai dan melepasi peringkat nasional, serantau dan global.

Pencapaian
& Pengiktirafan





Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi 2012

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus melakar kegemilangan di peringkat nasional apabila dipilih sebagai pemenang kategori Staf Keusahawanan Inovatif pada Majlis Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2012. Kejayaan ini diperolehi melalui usaha UTeM yang menitikberatkan penerapan nilai keusahawanan melalui pelbagai program melibatkan mahasiswa mahupun kakitangan dengan penganjuran aktiviti seperti ceramah eksekutif, kolaborasi dengan industri dan pendedahan kepada bidang perniagaan. Kemenangan ini menyuntik semangat warga UTeM untuk terus menunjangi keusahawanan sebagai salah satu elemen penting dalam melahirkan modal insan berkualiti selaras dengan hasrat KPT.

Hubungan Industri

Sepanjang 2012, UTeM telah menandatangani sebanyak lapan MoU dan dua MoA dengan beberapa syarikat seperti Silterra Malaysia Sdn Bhd, DMFK Inspirations, Malaysia Association of Energy Service Companies, Infineon Technologies (Malaysia) Sdn Bhd, Mimos Berhad dan SMC Pneumatics (SEA) Sdn Bhd.



Penyelidikan dan Inovasi

Pada 2012, UTeM telah menerima dana menerusi 233 projek penyelidikan yang berjumlah RM 10,548,253.03 berbanding tahun 2011 sebanyak RM 8,341,776.00. Daripada 233 geran penyelidikan ini, sebanyak 6 geran adalah merupakan geran daripada agensi luar.

Usaha pemerkasaan ini telah menampakkan kejayaan apabila kajian dan produk yang dihasilkan oleh penyelidik UTeM seperti jaket kalis peluru DECO Armour 12, basikal elektrik, Portable Anti-Theft Device (PATD), Laser Metric, kenderaan tiga roda ZRT-Harimau Biru, dan Ice Cooling Fan mendapat pengiktirafan di dalam dan luar negara.

Bagi pameran penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, para penyelidik UTeM telah berjaya meraih 10 pingat emas, 22 pingat perak, 17 pingat gangsa dan satu anugerah khas. Antaranya menerusi kejayaan di Malaysian Technology Expo (MTE) 2012, International Trade Fair Ideas-Inventions-New Products (IENA) 2012, International Innovation & Invention Exhibition 2012 (ITEX) dan Seoul International Invention Fair 2012 (SIIF).



Pencapaian Bidang Sukan



Pada Mei 2012 UTeM telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan Karnival Sukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Negeri Melaka dengan meraih 7 emas, 4 perak dan 3 gangsa. Selain itu UTeM turut merangkul gelaran juara keseluruhan Kejohanan Sukan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dengan memenangi 5 pingat emas, 6 pingat perak dan 3 pingat perak sekaligus muncul universiti terbaik di kalangan universiti teknikal. Pasukan bolasepak UTeM turut melakarkan kejayaan apabila muncul sebagai juara Piala FA Melaka 2012 dengan menewarkan beberapa pasukan handalan dari seluruh negeri Melaka.

Pelancaran Pelan Strategik UTeM 2012-2020

Bagi meneruskan pencapaian gemilang universiti di peringkat global berpaksikan inisiatif strategik mengikut perkembangan semasa, UTeM telah melancarkan Pelan Strategik UTeM 2012-2020. Pelan ini mencakupi strategi baharu iaitu memacu kecemerlangan teknikal, merintis teknologi masa hadapan, melahirkan pemimpin teknousahawan dan melonjak potensi komuniti bagi menghadapi pelbagai cabaran mendatang dalam usaha menjadi sebuah universiti teknikal tersohor di negara ini mahupun di peringkat antarabangsa. Berbekalkan slogan 'Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui', UTeM yakin melalui pelaksanaan pelan ini akan memberi impak terhadap semua aspek utama universiti termasuk pembangunan holistik pelajar, meningkatkan pengantarabangsaan serta memacu budaya inovasi seterusnya menjadikan universiti ini selaku pusat pengajian tinggi teknikal terkemuka di dunia.



Kolej Kediaman Kampus Induk UTeM

Tahun 2012 telah menyaksikan kejayaan UTeM dengan terbinanya fasa pertama Kolej Kediaman Lestari di Kampus Induk, Durian Tunggal. Kolej kediaman ini mampu menampung seramai 1020 orang pelajar. UTeM terus komited dalam

memastikan kemudahan kolej kediaman di dalam kampus terus ditingkatkan dengan terlaksananya pembangunan asrama 5,000 pelajar secara kerjasama Awam Swasta bermula pada tahun 2013.



Pengenalan Logo Baharu UTeM

Setelah 12 tahun ditubuhkan, UTeM kini menampilkan imej baharu dengan penambahbaikan terhadap logo sedia ada agar tampak lebih dinamik dan memudahkan orang ramai mengenali universiti ini. Logo baharu ini berkonsepkan penataan akronim yang menyerlahkan penjenamaan UTeM sekaligus memberi imej baharu yang lebih berdaya saing di kalangan IPT negara.



Program PERiNTIS

Bagi memastikan UTeM terus menerajui perubahan untuk menjadi universiti teknikal yang berstatus "APEX Technical University", Program Perintis telah diperkenalkan bagi menghasilkan warga kerja yang bersahsiah murni dan profesional. Di samping itu ianya turut mencorak warga kerja universiti ke arah berfikiran lebih strategik, berinovasi dan menjana kreativiti dalam menterjemahkan perancangan universiti.



Penarafan 5 Bintang Laman Web dan Portal oleh MDeC

Pertandingan laman web pada tahun 2012 menyaksikan portal UTeM berjaya mengekalkan penarafan 5 bintang bagi tahun kedua berturut-turut sekaligus tersenarai di antara 20 portal terbaik di kalangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang bertanding dengan pungutan markah keseluruhan sebanyak 93%.



Kualiti
& Akreditasi

Kualiti dan Akreditasi

Projek Agenda Kritikal (CAP) UTeM


Sebanyak 23 Projek Agenda Kritikal (CAP) diwujudkan bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Fasa 2 (2011-2015). Bagi merealisasikan aspirasi murni ini, UTeM telah terlibat secara langsung dengan 13 Projek Agenda Kritikal (CAP) iaitu:

- Akademia
- e-Pembelajaran
- Keusahawanan
- Kebolehpasaran Siswazah
- Pembangunan Holistik Pelajar
- Industri-Akademia
- Pengantarabangsaan
- Kepemimpinan
- Pembelajaran dan Pengajaran
- Pembelajaran Sepanjang Hayat
- MyBrain15
- Penyelidikan dan Pembangunan
- Program Pemindahan Ilmu

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAP) UTeM

Pada tahun 2012, sebanyak 36 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) menerusi 13 Projek Agenda Kritikal (CAP) UTeM telah ditetapkan oleh Sekretariat CAP. Salah satu dari 13 Projek Agenda Kritikal (CAP) tersebut iaitu CAP Kepemimpinan tidak dapat diberikan data pencapaian pada tahun 2012 kerana Operational Definition bagi dua Petunjuk Prestasi Utamanya (KPI) masih di peringkat penambahbaikan di peringkat Sekretariat.

Bilangan KPI Berdasarkan 12 CAP di UTeM



Pencapaian UTeM Berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAP)

Akademia

CAP Akademia UTeM telah menunjukkan prestasi yang membanggakan terutamanya pencapaian menerusi KPI “Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa”. KPI tersebut telah mencapai lebih dari yang disasarkan iaitu seramai 82 orang ahli akademik mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Antara kejayaan cemerlang yang dicapai oleh ahli akademik UTeM adalah di ITEX 2012- 23rd International, Invention, Innovation and Technology Exhibition pada 17 hingga 19 Mei 2012 di Kuala Lumpur. UTeM telah memenangi 5 pingat emas, 8 pingat perak dan 3 pingat gangsa di pameran tersebut.

KPI CAP Akademia

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	60	38
2	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	55	82
3	Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung/ Profesor Pelawat	2	2
4	Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk/ penasihat di peringkat kebangsaan/ antarabangsa	30	23
5	Bilangan jemputan yang diterima oleh ahli akademik untuk membentangkan kertas dasar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	3	2

Pembelajaran & Pengajaran

Sebanyak 15 program telah berjaya mendapat pengiktirafan dari badan profesional sekaligus mencapai sasaran pada tahun 2012. Antara pengiktirafan yang diperolehi adalah daripada Asea Uninet, Universities Mobility in the Asia and the Pacific (UMAP), German Academic Exchange Services / Deutscher Akademischer Austausch Dienst (DAAD), British Council dan EURAS (European Central Asia Universiti Consortium).

KPI CAP Pembelajaran & Pengajaran

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Bilangan pensyarah yang mempunyai kebolehan menggunakan sekurang-kurangnya satu kaedah *SCL	300	295
2	Bilangan program yang mendapat pengiktirafan badan profesional antarabangsa atau pengiktirafan dari sesebuah institusi pada tahun semasa	2	15

e-Pembelajaran

Mod Blended atau pembelajaran teradun merujuk kepada kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod online dengan mod pembelajaran bersemuka, di mana 30%-80% kandungan kursus disampaikan secara online. Ianya juga dimaksudkan dengan *hybrid learning*. Sebanyak 404 kurikulum kursus IPTA telah terhasil dalam *Mod Blended Learning* pada tahun 2012.

KPI CAP e-Pembelajaran

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Bilangan kurikulum kursus IPTA dalam Mod <i>Blended Learning</i>	320	404

Penyelidikan & Pembangunan

CAP Penyelidikan & Pembangunan mempunyai 9 Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Antara KPI yang telah berjaya mencapai lebih dari sasaran yang ditetapkan adalah KPI "Jumlah kumulatif penajaan pendapatan Perkhidmatan (Services)". Ianya telah memberi impak kepada pihak UTeM dan pihak luar hasil dari pemindahan maklumat (knowledge transfer) yang berkaitan dengan projek penyelidikan (R&D).

KPI CAP Penyelidikan & Pembangunan

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Jumlah kumulatif produk R&D yang dikomersilkan sehingga tahun semasa	10	3
2	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	100,000	3,240
3	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	150,000	175,000
4	Bilangan faktor impak kumulatif bagi penerbitan dalam jurnal yang diindeks	10	36.921
5	Bilangan jurnal IPT tempatan yang diindeks	2	5

6	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks	40	203
7	Jumlah kumulatif penjanaaan pendapatan Harta Intelek (IP)	10,000	0
8	Jumlah kumulatif penjanaaan pendapatan hasil daripada produk R&D selain daripada IP dan perkhidmatan	150,000	14,139.15
9	Jumlah kumulatif penjanaaan pendapatan Perkhidmatan (<i>Services</i>)	40,000	300,132.50

Pengantarabangsaan

KPI bagi CAP Pengantarabangsaan telah mencatatkan peningkatan jumlah pelajar antarabangsa pada tahun 2012 iaitu seramai 378 orang pelajar berbanding tahun 2011 iaitu seramai 304 pelajar. Pada tahun 2012, pelajar dari Indonesia mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 129 orang pelajar, diikuti pelajar dari Yaman seramai 37 orang pelajar, Iraq seramai 67 orang pelajar dan Libya seramai 22 orang pelajar.

Bagi KPI "Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA" terdapat peningkatan pada tahun 2012 iaitu seramai 33 orang berbanding pada tahun 2011 iaitu seramai 29 orang. Pada tahun 2012, Indonesia mencatatkan bilangan staf yang tertinggi iaitu seramai 25 orang diikuti negara India seramai 2 orang staf akademik antarabangsa.

KPI CAP Pengantarabangsaan

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	35	33
2	Jumlah pelajar yang terlibat dalam program mobiliti antarabangsa	120	90
3	Jumlah pelajar antarabangsa	500	378

MyBrain 15

Objektif MyBrain15 adalah untuk melahirkan bilangan pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf yang secukupnya sebagai pemacu kepada inovasi yang akan memandu ekonomi negara yang berdaya saing. Berdasarkan kepada KPI "Enrolmen Pelajar PhD dan setaraf di IPTA", bilangan enrolmen pelajar adalah seramai 159 orang.

KPI CAP MyBrain15

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Bilangan pelajar PhD (sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduat dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	3	2
2	Bilangan pelajar PhD warganegara yang digraduatkan oleh IPTA	3	2
3	Bilangan pensyarah berkelayakan PhD dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah IPTA	212	137
4	Enrolmen Pelajar PhD dan setaraf di IPTA	180	159
5	Enrolmen pelajar sarjana dan setaraf di IPTA	810	644

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Program PSH yang telah dijalankan di UTeM mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai terutamanya terhadap penawaran sijil profesional seperti program IPC-A-610 rev D yang telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu seramai 961 peserta.

KPI CAP PSH

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Jumlah enrolmen bagi program PSH di IPTA	700	961

Pembangunan Holistik Pelajar

Pada tahun 2012, seramai 480 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda telah mengikuti kursus ini.

KPI CAP Pembangunan Holistik Pelajar

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Bilangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti Kursus Kokurikulum Berkredit Dalam Teras Pengucapan Awam, Teras Kepimpinan, Teras Daya Usaha & Inovasi dan Teras Kesukarelawanan	208	480

Industri – Akademia

Bagi peratus jumlah pendapatan diperolehi berbanding peruntukan belanja mengurus, UTeM telah berjaya mencatatkan peratusan melebihi dari yang disasarkan iaitu sebanyak 20.23% .Penyumbang utama pendapatan UTeM adalah hasil dari kutipan yuran pengajian pelajar serta pelaksanaan Program Pasca Graduan (PERSISIR).

KPI CAP Industri – Akademia

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Peratus jumlah pendapatan diperolehi berbanding peruntukan belanja mengurus	12	20.23

Keusahawanan

Pelbagai aktiviti telah disusun bagi memberi pendedahan kepada pelajar ke arah pembudayaan keusahawanan seperti Seminar Keusahawanan Siswi & Majlis Perasmian Pra Pelancaran UTeM, Pertandingan Poster Idea Perniagaan dan Perodua Eco-Challenge yang memberikan pendedahan secara realistik kepada pelajar untuk menyediakan kajian pasaran, rancangan perniagaan dan aktiviti promosi jentera.

KPI CAP Keusahawanan

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Bilangan siswazah / lulusan IPT menceburi bidang keusahawanan selepas bergraduasi	6	5
2	Bilangan pelajar yang mendapat pendedahan, melalui program/aktiviti keusahawanan berstruktur (luar daripada kurikulum)	450	450

Kebolehpasaran Siswazah

Berdasarkan kepada Kajian Pengesanan Graduan yang telah dijalankan pada tahun 2012, seramai 68.72 peratus daripada pelajar UTeM yang bergraduasi telah mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian.

KPI CAP Kebolehpasaran Siswazah

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Peratus graduan yang mendapat pekerjaan enam bulan selepas tamat pengajian	70	68.72

Program Pemindahan Pengetahuan (KTP)

Dalam program Pemindahan Pengetahuan (KTP) UTeM telah berjaya menghasilkan beberapa projek antaranya adalah projek "Self-Routing Traffic Light Controller for Cross Junction".

KPI CAP KTP

BIL	KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
1	Bilangan amalan terbaik dalam pemindahan pengetahuan yang diterimapakai oleh komuniti dan inovasi yang diterima oleh Industri	0	1
2	Bilangan projek pemangkin/ <i>Flagship</i> Pemindahan Pengetahuan dan Akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Keberhasilan Utama (KRAs) Industri dan Komuniti	1	1
1	Bilangan Projek Pemindahan Pengetahuan dan Akademik dengan kerjasama Industri/ Komuniti	4	2

Pencapaian Keseluruhan

Kesimpulannya, sebanyak 15 KPI iaitu 44% daripada jumlah keseluruhan KPI telah berjaya dicapai. Manakala 14 KPI pula iaitu sebanyak 41% dari KPI keseluruhan adalah menghampiri dari sasaran dan 5 KPI iaitu sebanyak 15% berada di bawah paras setengah dari sasaran yang ditetapkan.

Pencapaian KPI CAP UTeM 2012

PENCAPAIAN	INDIKATOR	BILANGAN KPI	% PENCAPAIAN
100% >	Melebihi sasaran	15	44
50% - 99%	Menghampiri sasaran	14	41
< 50%	Kurang 1/2 sasaran	5	15

Akademik



Akademik

Sebagai sebuah universiti berfokus, UTeM mempunyai kekuatan dalam bidang teknikal terutamanya kejuruteraan, teknologi kejuruteraan, teknologi maklumat dan pengurusan teknologi. Program pengajian adalah meliputi program Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran.

FAKULTI	PROGRAM AKADEMIK
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer	<ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Kejuruteraan 2. Doktor Falsafah 3. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Telekomunikasi) 4. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) 5. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik) 6. Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektronik <hr/> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi) dengan kepujian 2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) dengan kepujian 3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) dengan kepujian 4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles) dengan kepujian 5. Diploma Kejuruteraan Elektronik
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Kejuruteraan 2. Doktor Falsafah 3. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) 4. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu) 5. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kawalan & Robotik) 6. Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektrik 7. Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekanik <hr/> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Pemacu) dengan kepujian 2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi &Automasi) dengan kepujian 3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan kepujian 4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik dengan kepujian 5. Diploma Kejuruteraan Elektrik
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**	<ol style="list-style-type: none"> 1. Doktor Kejuruteraan 2. Doktor Falsafah 3. Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal

FAKULTI	PROGRAM AKADEMIK
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk & Inovasi) dengan kepujian 2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automatif) dengan kepujian 3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal – Bendalir) dengan kepujian 4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Struktur - Bahan) dengan kepujian 5. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Loji dan Penyelenggaraan) 6. Diploma Kejuruteraan Mekanikal
<i>Construction Safety and Health Officer Training</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	CIDB	120 orang	Memberikan nilai tambah kepada pelajar apabila tamat pengajian kelak dengan sijil tambahan yang bertaraf antarabangsa yang mana sangat diperlukan oleh pihak industri.
Digital Engineering Design Training	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	Dreamedge Sdn. Bhd.	60 orang	Menambah pengetahuan berkenaan dengan perisian yang di gunakan untuk merekacipta sesuatu produk dalam industri.

NAMA PROGRAM (KURSUS/ LATIHAN)	PENGANJUR	SYARIKAT PERUNDING	BIL. PESERTA	HASIL / IMPAK
Pre-Employment Soft Skill Program (Graduate Leadership Assessment and Development Programme)	Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan	Deloitte Consulting (M) Sdn. Bhd.	600 orang	Dapat meningkatkan lagi Kemahiran Insaniah (KI) pelajar khususnya dalam kemahiran Pemikiran Kritis dan Kreatif, Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pengurusan Maklumat serta Kemahiran Berkomunikasi.
Program Certified Solidwork Associate	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	IME Trading Sdn. Bhd.	60 orang	Pelajar-pelajar tahun akhir berpeluang memiliki kemahiran perisian kejuruteraan tambahan yang membolehkan mereka mendapat sijil yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.
Program Certified IP Engineer(CSWA)	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	Orbitage	120 orang	Para pelajar secara automatik akan mendapat nilai tambah yang diperlukan oleh pihak industri dan ianya amat berguna semasa permohonan pekerjaan di dalam industri telekomunikasi dan rangkaian-Sijil CIPE.
Program Certified IP Associate	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	Orbitage	120 orang	Para pelajar secara automatik akan mendapat nilai tambah yang diperlukan oleh pihak industri dan ianya amat berguna semasa permohonan pekerjaan di dalam industri telekomunikasi dan rangkaian-Sijil CIPA.
Program Certified Fiber Optic Technologist	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	Significant Technologies Sdn Bhd	130 orang	Mendapat nilai tambah yang diperlukan oleh pihak industri di mana kemahiran teknikal dan piawaian yang telah digariskan di dalam program CFOT ini telah lama diguna pakai di seluruh dunia dan diiktiraf oleh industri khususnya industri telekomunikasi fiber optik.

Program Kerjaya “Profesional Career Opportunities With MNCs”

Dalam meningkatkan kebolehpasaran para graduan, UTeM telah menganjurkan program kerjaya “*Profesional Career Opportunities With MNCs*” yang bukan sahaja bertujuan menghubungkan graduan dengan syarikat multinasional malah merupakan platform terbaik bagi bakal graduan untuk mengenal pasti peluang kerja yang bersesuaian serta mengikut kehendak industri masa kini.

Antara syarikat yang telah terlibat bagi mengadakan temu duga terbuka dan menyampaikan ceramah berkaitan kerjaya adalah seperti berikut :

- i) Job Advisors (M) Sdn Bhd
- ii) Petronas Cari gali Sdn Bhd
- iii) Shimano Components (M) Sdn Bhd
- iv) Huawei Technologies (M) Sdn. Bhd.
- v) Guocera Sdn Bhd

Graduate Leadership, Assessment and Development (GLAD)

Program Graduate Leadership, Assessment and Development (GLAD) adalah merupakan program yang diadakan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar khususnya dalam kemahiran pemikiran kritis dan kreatif, pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat serta kemahiran berkomunikasi. untuk. Program ini telah melibatkan seramai 600 orang pelajar dari kalangan pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Tahun Akhir, Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan adalah di bawah peruntukan Tabung GREAT (Graduate Employability Enhancement and Added Value Training) yang diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebanyak RM1,296,000.00.



SME–University Internship Programme 2012

SME-University Internship Programme merupakan inisiatif yang telah dipersetujui di antara SME Corp Malaysia dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui MoU yang telah ditandatangani pada 2 Disember 2008 bagi menerapkan nilai keusahawanan dan menarik minat pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menceburi bidang perniagaan. Perjanjian Kerjasama (MoA) antara UTeM dengan SME Corp Malaysia telah ditandatangani pada 6 Julai 2011.

Melalui *SME-University Internship Programme 2012* yang dijalankan pada bulan Mei hingga Oktober 2012, sebanyak empat kumpulan telah berjaya ditubuhkan dan setiap kumpulan dianggotai oleh 6 orang pelajar. Pihak industri yang terlibat bagi menjayakan program tersebut ialah:

- i) Anzag Trading (Pembuatan Nata de Coco)
- ii) Nat Mega Enterprise (Pembuatan makanan dan minuman berasaskan soya)
- iii) SS Ipro Marketing / Koko Minda Industries (Pembuatan produk berasaskan koko)
- iv) Shidaz Bakery Enterprise (Pembuatan kek dan roti)

Sesi Pembentangan Akhir SME-University Internship Programme 2012



CEO Roundtable 2012

Program CEO Roundtable 2012 yang diadakan pada 18 Julai 2012 telah menghimpunkan beberapa pemimpin industri di peringkat Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berlangsung di Kampus Induk UTeM. Antara yang hadir adalah :

- i) Y.Bhg. Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee bin Laidin
Pengerusi, Lembaga Pengarah UTeM
- ii) Mr. Lim Jit Fu
Ketua Pegawai Eksekutif, Industronics Bhd
- iii) Dr. Kamarulzaman Mohamed Zin
Ketua Pegawai Eksekutif, Ikona Software, Inc
- iv) Dr. Steve Lai
Ketua Pegawai Eksekutif, PSB Academy Pte Ltd
- v) Mr. Chiu Feng-Liang
Presiden, AUO SunPower Sdn Bhd
- vi) En. Jaffri Ibrahim
Ketua Pegawai Eksekutif, Collaborative Research in Engineering Science and Technology (CREST)
- vii) Mr. Mark Rozario
Ketua Pegawai Eksekutif, Agensi Inovasi Malaysia
- viii) Pn. Norshidah Ahmad
Pengurus Besar/ Naib Presiden, Agilent Technologies
- ix) Dr. V. Sivapalan
Chief Evangelist PROFICEO
- x) Ir. Aziz Ismail
Presiden, Technopreneurs Association of Malaysia
- xi) Y.Bhg. Datuk Syed Hussian Aljunid
Pengarah, Western Digital (M) Sdn. Bhd.
- xii) Mr. Looi Kien Leong
Presiden, The Asia-Oceania Regional ICT Association (ASOCIO)



Program Campus Connect KPT-WD

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah memberikan tanggungjawab kepada UTeM untuk mengadakan program kerjasama dengan syarikat Western Digital (M) Sdn. Bhd. (WD) yang dinamakan Program Campus Connect Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) - Western Digital (WD). Melalui kerjasama ini dua program iaitu Graduate Induction Programme (GriP) dan Industrial Development Programme (INDEP) telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi program pembangunan dan kebolehpasaran pelajar. Kementerian akan menyalurkan peruntukan bagi melatih seramai 300 orang pelajar manakala Western Digital akan menyumbang di dalam bentuk kursus teknikal, khidmat nasihat, tempat latihan dan peluang pekerjaan.


Industry-Center of Excellence (I-CoE): UTeM - Infineon (M) Sdn Bhd

UTeM dan Infineon (M) Sdn Bhd (Infineon) bersetuju untuk meneruskan kerjasama dalam bidang pendidikan, latihan teknikal, penyelidikan, kebolehpasaran graduan dan aktiviti-aktiviti lain yang dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak.



Projek kerjasama I-CoE : UTeM-Infineon (M) Sdn Bhd






Pembangunan Kampus

Pembangunan Kampus Induk

Pembangunan Kampus Induk UTeM terletak di atas kawasan seluas 726.77 ekar di Mukim Durian Tunggal, Daerah Hang Tuah Jaya, Melaka. Secara keseluruhannya, infrastruktur asas, bangunan-bangunan akademik, sokongan serta gunasama di Kampus Induk UTeM telah beroperasi secara berperingkat bermula pada tahun 2004. Segala pencapaian ini adalah bersandarkan kepada Pelan Induk Pembangunan Fizikal Universiti yang merangkumi tempoh tahun 2001-2010 serta fokus yang lebih mendalam melalui Pelan Strategik 2009-2010 Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)

Strategi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah dilaksanakan menggunakan pendekatan 'Rolling Plan' yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi bagi memantau permohonan dan pelaksanaan program / projek setiap agensi-agensi kerajaan. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10);1st Rolling Plan, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah memperaku enam (6) komponen projek berjumlah RM13,000,000.00.



Bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10); 2nd Rolling Plan, UTeM telah mengemukakan permohonan sebanyak 15 komponen projek berjumlah RM836,767,552.30 di mana jumlah siling yang dimohon bagi tahun 2012 hingga 2013 adalah berjumlah RM396,448,933.28. Namun demikian, permohonan ini tidak mendapat kelulusan pihak kementerian. Walaubagaimanapun, projek-projek kecil pembangunan tetap diteruskan dengan pendekatan yang mementingkan kualiti dan berdasarkan kepentingan dengan menggunakan pelbagai sumber kewangan yang terhad.

Usaha berterusan bagi permohonan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10); 3rd Rolling Plan telah menampakkan hasil yang baik. Secara keseluruhannya, UTeM telah mengemukakan sebanyak sembilan (9) komponen projek berjumlah RM636,139,155.80 bagi tahun 2013 hingga 2014. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah memperaku kesemua sembilan (9) komponen projek dengan jumlah siling RM422,000,000.00. Selain itu, UTeM turut memperolehi kelulusan untuk melaksanakan projek menaiktaraf peralatan di Fakulti Teknologi Kejuruteraan berjumlah RM30,000,00 pada 10 Julai 2012.

Kediaman Pelajar Dalam Kampus

Kolej Kediaman Lestari

Hasrat dan perancangan UTeM untuk melihat kolej kediaman pelajar di dalam Kampus Induk akhirnya terlaksana dengan terbinanya Kolej Kediaman Lestari yang berkapasiti 1,020 pelajar. Projek pembinaan ini bermula pada 22 Ogos 2011 dan telah siap sepenuhnya pada Oktober 2012. Antara kemudahan yang terdapat di kolej kediaman ini ialah dewan serbaguna., arked, padang bolasepak, gelanggang futsal dan bola keranjang.





Pembangunan Asrama 5,000 Pelajar Secara Kerjasama Awam Swasta

Permohonan UTeM untuk mendapatkan tambahan kolej kediaman pelajar di dalam kampus telah mendapat perakuan melalui Memorandum Jemaah Menteri. Cadangan Pembangunan Asrama 5,000 Pelajar ini akan dilaksanakan di dalam Kampus Induk UTeM secara Kerjasama Awam Swasta (Public Private Partnership), Build-Lease-Maintain-Transfer (BLMT) dengan keluasan berjumlah 18 ekar. Projek pembinaan ini dijangka dimulakan pada akhir tahun 2013. Kemudahan-kemudahan yang akan disediakan untuk muatan 5,000 pelajar adalah seperti berikut:



- a) Kolej Kediaman Pelajar 10 tingkat sebanyak 5 blok (termasuk pejabat pentadbiran asrama)
- b) 5 unit kediaman Pengetua Asrama
- c) 10 unit kediaman Felo
- d) 1 unit Kafeteria 1,000 orang
- e) Kerja-kerja Infrastruktur Sokongan
- f) Kemudahan Gelanggang Sukan :
 - 1 Gelanggang Futsal (berlampu)
 - 1 Gelanggang Non Competitive multipurpose court
 - 1 Gelanggang Bola Tampar
 - 1 Gelanggang Bola Keranjang

Kolej Kediaman Pelajar (Luar Kampus)

UTeM dari masa ke semasa sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan kolej kediaman pelajar yang selesa kepada para pelajar khususnya termasuklah kemudahan pengangkutan berjadual dari kolej kediaman ke Kampus Induk UTeM. Sehingga kini terdapat tujuh (7) kolej kediaman yang disewa oleh UTeM.



**KOLEJ KEDIAMAN
BERTAM PERDANA**
Sewaan sehingga Julai 2013



KOLEJ KEDIAMAN MURNI
Sewaan sehingga Mei 2013



KOLEJ KEDIAMAN TTU 3
Sewaan sehingga Mei 2013



**KOLEJ KEDIAMAN BUNGA
RAYA**
Sewaan sehingga Mac 2013



**KOLEJ KEDIAMAN
D'APARTMENT**
Sewaan sehingga Mei 2013



KOLEJ KEDIAMAN EMERALD
Sewaan sehingga Nov 2013






KOLEJ KEDIAMAN TTU 2
Sewaan sehingga Mei 2013

Fasiliti-Fasiliti

UTeM juga telah melaksanakan konsep kampus sejahtera dengan menyediakan fasiliti-fasiliti kondusif dan mesra pelajar. Persekitaran begini juga dapat membantu dalam melahirkan generasi bijak pandai dan berwawasan. Integrasi antara pembangunan fizikal dan keperluan insaniah adalah merupakan usaha menjadikan UTeM sebuah universiti seimbang. Antara fasiliti yang disediakan antaranya adalah seperti berikut:

- a) Stadium dan Dewan Sukan
- b) Gelanggang bola sepak
- c) Gelanggang tenis
- d) Pusat Kokurikulum
- e) Kawasan hijau rekreasi
- f) Flying Fox & Wall Climbing
- g) Padang Futsal
- h) Laluan pejalan kaki terbuka dan berbumbung








Gedung
ilmu



**Infra &
Info ICT**



Infrastruktur dan Infostruktur ICT

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 53 projek ICT telah dirancang untuk dilaksanakan merangkumi kemudahan infrastruktur dan infostruktur ICT bagi menyokong operasi pentadbiran universiti serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Semua projek yang dirancang adalah selaras dengan perancangan strategik universiti yang mampu menyumbang kepada peningkatan produktiviti serta kecekapan pentadbiran.

Infrastruktur ICT

Antara pencapaian Infrastruktur ICT yang berimpak tinggi kepada pengguna adalah:

- Menaiktaraf Bandwidth Dan Penyelarasan Kemudahan Internet & Intranet Kampus Serta Perkhidmatan Wifi Kolej Kediaman Pelajar UTeM.
- Penyediaan Kemudahan Internet Pelajar Untuk Kolej Kediaman Lestari Di Dalam Kampus.
- Sewaan Komputer Baharu.

Menaiktaraf Bandwidth Dan Penyelarasan Kemudahan Internet & Intranet Kampus Serta Perkhidmatan Wifi Kolej Kediaman Pelajar UTeM

Pusat Komputer telah menjalankan kerja-kerja menaiktaraf dan penyelarasan perkhidmatan kemudahan internet dan intranet untuk 3 kampus dari 140 Mbps kepada 144 Mbps serta kemudahan wifi untuk 8 kolej kediaman luar kampus UTeM iaitu dari 70 Mbps kepada 108 Mbps. Penyelarasan semula jumlah kapasiti rangkaian juga telah dilakukan berdasarkan jumlah pelajar yang bertambah seiring dengan tarikh tamat kontrak untuk setiap kampus dan kolej kediaman adalah sama. Ianya tidak termasuk Kampus Industri kerana masih terikat dengan kontrak 3 tahun bersama Telekom Malaysia Berhad (TM) yang berakhir pada November 2014.

Penyediaan Kemudahan Internet Pelajar Untuk Kolej Kediaman Lestari Di Dalam Kampus

Kolej Kediaman Lestari telah dilengkapi dengan perkhidmatan capaian internet secara berwayar dengan kelajuan 6 Mbps pada waktu siang dan 50 Mbps pada waktu malam. Setiap bilik pelajar telah disediakan dengan 2 mata rangkaian bagi memudahkan pelajar mengakses internet bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan di kolej kediaman.

Sewaan Komputer Baharu

Penyewaan komputer baru sebanyak 800 unit telah bermula secara 2 fasa iaitu 400 unit pertama pada tahun 2012 dan 400 unit kedua pada tahun 2013. Tempoh penyewaan adalah selama 4 tahun bertujuan untuk menggantikan komputer yang telah usang dan berumur 6 tahun keatas, meningkatkan prestasi staf UTeM dengan kemudahan ICT yang lengkap, menjimatkan kos sumber manusia, dan menjimatkan kos operasi dan pentadbiran.

Selain itu, ianya juga mampu mengurangkan beban staf teknikal untuk membaik pulih perkakasan dan penyelenggaraan serta memenuhi keperluan UTeM dari segi kelancaran pentadbiran dan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P);

Infostruktur ICT

Antara pencapaian Infostruktur ICT yang berimpak tinggi kepada pengguna adalah:

- Pelaksanaan Modul OBE (Outcome Based Education) yang lebih menyeluruh
- Pelaksanaan Modul Anugerah Akademik Universiti (AAU)
- Pelaksanaan Modul e-Klinik
- Mengekalkan penarafan 5 Bintang Dalam Pertandingan Pembangunan Laman Web Mdec
- Penghasilan Peta Digital 3D UTeM





Pembangunan Pelajar

Kegemilangan Pelajar

Program Pembudayaan Keusahawanan

Bagi meneruskan usaha pembudayaan dan penerapan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar, UTeM telah mengambil beberapa langkah dengan melaksanakan aktiviti di samping menggalakkan pelajar menyertai pertandingan, seminar, konvensyen dan kursus-kursus di peringkat universiti dan kebangsaan.

Permatang Pelajar

UTeM telah membina Permatang Pelajar yang menempatkan ruang niaga untuk diuruskan sendiri oleh pelajar. Penyediaan ruang tersebut memberi pendedahan berkaitan keusahawanan serta pengalaman dalam mengendalikan perniagaan sendiri.

Pencapaian di Konvensyen Women In Social Enterprise (WISE)

Seramai 10 orang pelajar FPTT telah memenangi tempat kedua dalam kategori penyediaan Laporan Universiti Terbaik semasa Konvensyen Women In Social Enterprise (WISE) pada 7-8 November 2012. Program itu menerapkan aspek khidmat masyarakat dengan adaptasi elemen keusahawanan yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Pencapaian di Pertandingan Simulasi Perniagaan IPTA

Sekumpulan 5 orang pelajar telah memenangi tempat ketiga dalam pertandingan Simulasi Perniagaan peringkat IPTA yang diadakan pada 1-16 Februari 2012 anjuran UUM dengan kerjasama Myppec Sdn. Bhd.

Lab Minda Keusahawanan

Program anjuran Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKMUM) dengan kerjasama Bahagian Keusahawanan/Kebolehpasaran Graduan Kementerian Pengajian Tinggi ini menggabungkan elemen teori dan praktikal melalui gerak kerja dan motivasi yang menekankan kepada pengayaan bakat kemahiran insaniah pelajar secara holistik, telah diadakan pada 2-5 Mac 2012 di Kings Hotel, Melaka.

Tuan Rumah Konvensyen Keusahawanan IPT Melaka

HEPA dengan kerjasama PERDASAMA, SAM dan KPT menganjurkan konvensyen peringkat IPT Melaka pada 15 Disember 2012 dengan disertai lebih 1,000 orang pelajar IPT di seluruh Melaka. Penganjuran ini adalah kesinambungan daripada Seminar Pembudayaan Keusahawanan yang dianjurkan pada 6 Oktober 2012.

Anugerah The Most Innovative Award

10 orang pelajar FPTT merangkul “The Most Innovative Award” atas usaha menghasilkan modul keselamatan kebakaran untuk murid-murid sekolah dalam pertandingan anjuran Student In Free Enterprise Malaysia (SIFE) dengan kerjasama syarikat Insurans Chartis.

Naib Johan Pertandingan National Business Video Challenge

Pasukan “Rolladice Production” dari FTMK merangkul naib johan dalam pertandingan “National Business Video Challenge” anjuran UCSI. Pertandingan tersebut menguji daya kreativiti peserta untuk menghasilkan klip video pendek peringkat kebangsaan melibatkan penyertaan sebanyak 70 klip video dari IPTA/IPTS dan diadili oleh hakim profesional serta undian melalui Youtube.

Karnival Kerjaya

Sebanyak 500 peluang pekerjaan di sektor kejuruteraan dan teknologi dari 30 syarikat seluruh negara telah ditawarkan kepada pelajar UTeM dalam Karnival Kerjaya yang diadakan di Pusat Persatuan Pelajar pada 29-30 Mei 2012.

Program Bakti Siswa/Kemasyarakatan

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) dan UMT, telah menjayakan program kemasyarakatan di Pulau Karimun Indonesia. Seramai 20 orang pelajar di kalangan pemimpin pelajar UTeM bersama 4 orang staf berganding bahu membantu pelajar-pelajar Sekolah Teknik Tanjung Batu meningkatkan sistem komputer, cara membaiki komputer (teori dan praktikal) dan mengajar aplikasi-aplikasi terkini serta menyerahkan sumbangan dua buah komputer kepada pihak sekolah.

Ekspedisi Banjaran Titiwangsa

Seramai 25 orang pelajar dan dua orang staf HEPA berjaya menawan tiga puncak gunung di Banjaran Titiwangsa iaitu Gunung Perdah (ketinggian 1,600 meter), Gunung Jarsar (ketinggian 1,500 meter) dan Gunung Berembun (ketinggian 1,800 meter) dari aras laut. Ekspedisi ini mengambil masa 3 hari 2 malam dan bermalam di perkampungan orang asli di Kampung Sungai Ruil.

Kembara Ukhwah ke Thailand

Program ini dijayakan oleh 20 orang pelajar dan enam orang staf ke perkampungan Islam Natten, Thailand. Di sana, mereka melaksanakan aktiviti gotong royong dan sesi pengajaran teknologi maklumat berteraskan “hands on” bersama anak-anak kampung. Di samping itu diadakan penyerahan dua buah komputer dan pencetak serta barang-barang keperluan seperti makanan, pakaian, Al-Quran dan sejadah.

Pencapaian Bidang Sukan

Johan Karnival Sukan IPT Negeri Melaka

Pasukan UTeM telah menyertai kesemua 21 acara yang dipertandingkan dan berjaya merangkul 7 Emas, 4 Perak dan 3 Gangsa. Acara emas dimenangi dalam acara bola tampar wanita, sepakraga bulatan, sepakraga antara regu, tennis campuran, karom terbuka, dart terbuka dan koir. Manakala perak dimenangi dalam acara badminton campuran, ping pong campuran, catur campuran dan trail running. Sebanyak 18 acara sukan dan 3 acara sampingan telah dipertandingkan serta menarik penyertaan seramai 2000 orang pelajar dan kakitangan dari 36 buah IPT negeri Melaka. Karnival ini julung kalinya diadakan dan UTeM telah diberikan penghormatan sebagai tuan rumah.

Sukan Antara Fakulti (SAF)

Sebanyak 7 Fakulti telah mengambil bahagian dalam kejohanan SAF yang berlangsung pada 7-9 Disember 2012 dengan 27 acara sukan dipertandingkan. Buat pertama kalinya acara sukan rowing kayak dipertandingkan iaitu acara sukan berkayak tanpa air. Program tahunan ini bertujuan untuk mengenalpasti pelajar yang berbakat dan berpotensi dalam pelbagai acara sukan untuk mewakili UTeM dalam pelbagai pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. FTMK muncul sebagai johan keseluruhan pada tahun ini.

Majlis Anugerah Sukan UTeM (MASUTeM)

Majlis Anugerah Sukan UTeM (MASUTeM) telah diadakan pada 16 Oktober 2012 bagi meraikan jasa atlet UTeM sepanjang tahun 2011. Majlis penghargaan ini menyaksikan pelbagai kategori anugerah disampaikan kepada kelab, pasukan dan jurulatih yang telah mempamerkan prestasi cemerlang sepanjang 2011. Anugerah Pasukan Cemerlang (pelajar) dimenangi oleh Pasukan Lumba Basikal, Anugerah Olahragawan (pelajar) diberikan kepada Muhammad Aiman Husin dan Anugerah Olahragawati (pelajar) diberikan kepada Siti Niartun Aniqah. Pada Majlis ini juga memperlihatkan penerima anugerah di kalangan staf yang cemerlang dalam aktiviti sukan. Anugerah Pasukan Cemerlang (staf) dimenangi oleh Pasukan Bowling Padang. Anugerah Olahragawan (staf) dimenangi oleh Amiruddin Jamaluddin dan Anugerah Olahragawati (staf) dimenangi oleh Hanisah Hamdzah.

Cabaran Berbasikal Merdeka 1 Malaysia KPT


Pelajar UTeM telah menyertai Cabaran Berbasikal sempena bulan Sambutan Kemerdekaan di Kuching, Sarawak. Kayuhan tersebut melibatkan perjalanan sejauh 2,205 kilometer merentasi keseluruhan daerah di Sabah, Sarawak dan Brunei.

Kejohanan Sukan Universiti ASEAN (AUG) Kali Ke 16

UTeM sekali lagi menyertai Kejohanan AUG pada 12-21 Disember 2012 di Vientiane, Laos. Pasukan Badminton Malaysia di bawah kendalian UTeM telah berjaya menyumbang pingat 2 Emas, 2 Perak dan 3 Gangsa dan ini membantu Kontinjen Malaysia menjadi juara keseluruhan kejohanan. Di samping itu atlet pelajar UTeM Muhammad Aiman Husin (pelajar FKE) berjaya meraih pingat perak bagi Kategori Double Lelaki.

Kajian Pengesanan Graduan

	2011	2012
Bekerja	48%	53%
Belum mendapat pekerjaan	48%	42%
Sambung pengajian	1%	2%
Lain-lain	3%	3%







Pengurusan Sumber Manusia

Pengurusan Sumber Manusia

Waran & Perjawatan 2012

Bagi tahun 2012, sebanyak 102 jawatan telah diluluskan melalui pemberian waran perjawatan dari Kementerian Kewangan dan menjadikan jumlah waran perjawatan universiti keseluruhannya adalah sebanyak 1,896 jawatan.

Sehingga 31 Disember 2012, bilangan staf yang berkhidmat di UTeM adalah seramai 1947. Daripada jumlah itu, 3 orang merupakan staf di peringkat Pengurusan Utama, 813 merupakan Staf Akademik, 185 merupakan staf Pengurusan dan Profesional dan selebihnya iaitu seramai 946 merupakan staf Pelaksana. Bagi Staf Akademik, seramai 714 orang dilantik sebagai Pensyarah Universiti, 31 orang dilantik sebagai Tutor, 15 orang dilantik sebagai Guru Bahasa dan seramai 53 orang dilantik sebagai Jurutera Pengajar.

Waran dan perjawatan sehingga 31 Disember 2012

Kumpulan Staf	WARAN 2012	PENGISIAN 2012
Pengurusan Utama	3	3
Akademik	806	813
Pengurusan & Profesional	179	185
Pelaksana	908	946
Jumlah	1896	1947

Pengisian Perjawatan 2012

Jumlah Pengisian Jawatan Akademik 2012

BIL	PENGISIAN JAWATAN AKADEMIK	JUMLAH
1	Lantikan Baru	36 orang
2	Pertukaran Skim	44 orang
3	Staf Naik Pangkat	31 orang
	Jumlah	111 orang

Jumlah Pengisian Jawatan Bukan Akademik 2012

BIL	PENGISIAN JAWATAN BUKAN AKADEMIK	JUMLAH
1	Lantikan Baru	28 orang
2	Pertukaran Status Kontrak kepada Tetap	6 orang
3	Pertukaran Skim	1 orang
4	Staf Naik Pangkat	13 orang
	Jumlah	48 orang

Bagi pengisian jawatan akademik, pengisian dilaksanakan berdasarkan kepada lantikan baru, pertukaran staf berstatus kontrak kepada tetap, pertukaran skim perkhidmatan dan juga melalui ekseseis kenaikan pangkat. Pengisian dibuat untuk pelbagai gred dan jawatan merujuk kepada kekosongan jawatan. Jumlah pelantikan keseluruhan Staf Bukan Akademik bagi tahun 2012 adalah seramai 48 orang. Seramai 183 daripada Pensyarah yang berkhidmat di Universiti adalah berkelayakan Ph.D dan menjadikan peratusan Pensyarah berkelayakan Ph.D meningkat kepada 25.52% berbanding tahun 2011 iaitu 19.91%.

Pengurusan Organsasi

Sistem e-Klinik

Pihak Universiti telah melaksanakan Sistem Perakam Waktu Berkomputer (SPWKB) sebagai mekanisme untuk merekod kehadiran staf selaras dengan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 9 Tahun 2004. Pelaksanaan SPWKB ini pada peringkat awalnya hanya terpakai bagi Staf Bukan Akademik sebagai kaedah merekod kehadiran bertugas.

Sistem Perakam Waktu Berkomputer (SPWKB)

Sistem e-Klinik telah dibangunkan oleh Pejabat Pendaftar melalui Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO) dengan kerjasama Pusat Komputer dalam memastikan kemudahan rawatan perubatan staf UTeM dan tanggungan yang layak sebagai pesakit luar dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan efektif di semua Klinik Panel UTeM yang dilantik. Penggunaan sistem ini dapatserta menjimatkan masa terutama urusan capaian maklumat staf secara atas talian.

Dasar dan Kualiti

Majlis Hari Kualiti

Majlis Hari Kualiti tahun 2012 telah di adakan pada 29 Mei 2012 yang lalu. Pada majlis tersebut, seramai 152 orang staf terdiri daripada staf akademik dan bukan akademik telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di atas prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2011.

Lembaga Pengarah Universiti

Pada tahun 2012 UTeM telah menerima beberapa lantikan baru dan penyambungan semula Ahli Lembaga Pengarah.

A) LANTIKAN BARU AHLI LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2011

BIL	NAMA	JAWATAN DI UTeM	JAWATAN RASMI	KUOTA	TEMPOH LANTIKAN
1	YBhg. Prof. Dr. Shamsuddin bin Baharin	Ahli Lembaga Pengarah	Pengarah, Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi	Wakil Kementerian Pengajian Tinggi	1 Julai 2012 - 14 Mei 2014
2	YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain	Ahli Lembaga Pengarah	Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	Wakil Senat	15 Okt 2012 - 14 Okt 2015
3	Encik Omar Shariff bin Mydeen	Ahli Lembaga Pengarah	Vice President, Corporate Affairs, Manipl Education	Wakil Swasta	1 Feb 2012 - 31 Jan 2015
4	Encik Azrul bin Aziz	Ahli Lembaga Pengarah	Pengarah Urusan G2com Technologies Sdn Bhd	Wakil Alumni	15 Julai 2012 - 14 Julai 2015

B) LANTIKAN SEMULA AHLI LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2012

BIL	NAMA	JAWATAN DI UTeM	JAWATAN RASMI	KUOTA	TEMPOH LANTIKAN
1	YBhg. Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin	Pengerusi Lembaga Pengarah	Pengerusi, Erinco Sdn. Bhd.	Pengerusi Lembaga Pengarah	1 Jun 2012 - 31 Mei 2014
2	YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Raman bin Haji Saad	Ahli Lembaga Pengarah	Pengarah Urusan Abdul Raman Saad & Associates	Wakil Sektor Swasta	15 Julai 2012 - 14 Julai 2014
3	YB. Datuk Wira Omar bin Kaseh	Ahli Lembaga Pengarah	Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	Wakil Kementerian Kewangan Malaysia	16 Julai 2012 - 15 Julai 2014

Pembangunan Sumber Manusia

Latihan dan Pembangunan Kompetensi Staf

Sepanjang tahun 2012, Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah berjaya menganjurkan sebanyak 114 kursus anjuran dalaman yang merangkumi kompetensi umum (generik) dan khusus (functional), manakala seramai 901 orang staf UTeM menyertai kursus anjuran luar.

Bilangan staf mengikuti latihan tahun 2012

GRED/KUMPULAN	BILANGAN STAF	KURSUS JANGKA PENDEK			
		< 7 hari	> 7 hari	> 3 bulan	Tidak berkursus
JUSA	23	14	9	0	0
PENGURUSAN & PROFESSIONAL	740	648	78	218	14
SOKONGAN 1	717	631	82	0	4
SOKONGAN 2	230	142	87	0	1
JUMLAH	1710	1435	256	218	9
PERATUSAN		83.92	14.97	12.75	1.11

Statistik di atas menunjukkan bahawa seramai 1435 orang staf daripada pelbagai gred jawatan dan skim telah mencapai 42 jam setahun seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan melalui Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA). Daripada jumlah tersebut, gred/kumpulan JUSA iaitu seramai 14 orang telah mencapai 42 jam setahun manakala staf dari gred/kumpulan Pengurusan & Profesional seramai 648 orang. Bagi staf dari gred/kumpulan Sokongan 1 seramai 631 orang manakala Sokongan 2 seramai 142 orang.

Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR)

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan sebanyak dua (2) Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) pada tahun 2012. Penganjuran PINTAR pada 2012 telah melibatkan seramai 294 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan gred jawatan dari 20 PTJ yang berlainan.

Program Perintis

Program PERINTIS merupakan kesinambungan daripada Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) yang telah berjaya dilaksanakan sebelumnya. PERINTIS dibangunkan selaras dengan hasrat UTeM ke arah menerajui perubahan menjadi universiti teknikal yang berstatus "APEX Technical University" pada masa akan datang Berbeza dengan Program PINTAR yang dilaksanakan bagi mengajak para peserta untuk memantapkan kefahaman kepada visi dan misi Universiti. Program ini telah dibangunkan dengan menggunakan kemahiran dan kemudahan dalaman UTeM sepenuhnya.

UTeM Leadership Development Program (ULDP)

UTeM Leadership Development Program (ULDP) adalah satu program pembangunan kepimpinan yang bertujuan untuk membangunkan lapisan pemimpin UTeM yang berfokus kepada pembangunan kepimpinan dan pemikiran strategik untuk mencapai visi, misi dan strategi UTeM.

Kumpulan sasar ULDP adalah kategori pelapis kepimpinan UTeM. Melalui program ini juga lapisan kepimpinan berpeluang mengalami pengalaman mencadang dan melaksanakan inisiatif strategik UTeM sejajar dengan Pelan Strategik UTeM yang dirangka berasaskan "Balanced Scorecard" (BSC).

Pengesahan Perkhidmatan Staf

Jumlah staf yang disahkan pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

Bilangan staf disahkan ke dalam perkhidmatan tahun 2012

TARIKH MESYUARAT	TAHUN PERKHIDMATAN				JUMLAH
	TAHUN 1	TAHUN 2	TAHUN 3	TAHUN 4	
BIL.1/2012 (11 Januari 2012)	0	49	43	0	92
BIL.2/2012 (20 Jun 2012)	9	86	7	1	103
BIL.3/2012 (13 Disember 2012)	6	51	3	1	61
JUMLAH	15	186	53	2	256

Staf Aktif Cuti Belajar

Sehingga 31 Disember 2012, seramai 184 orang staf akademik sedang melanjutkan pengajian di peringkat PhD dan 28 orang di peringkat Sarjana. Jumlah ini meliputi pengajian di dalam negara dan luar negara. Manakala jumlah bilangan orang awam yang sedang menyambung pengajian dibawah Skim Fellow, seramai 16 orang di peringkat PhD dan 9 orang diperingkat Sarjana.

Staf Cuti Belajar Tahun 2012

Pada tahun 2012, Seramai 36 orang staf akademik telah dihantar melanjutkan pengajian di peringkat PhD dan 13 orang staf akademik di peringkat Sarjana. Jawatankuasa Cuti Belajar juga telah bersetuju untuk menawarkan Skim Fellow UTeM kepada orang awam yang berkelayakan. Skim ini telah diiklankan dan permohonan adalah diterima sepanjang tahun 2012 dan Universiti telah menaja seramai tiga (3) orang di peringkat PhD dan lima (5) orang di peringkat Sarjana.

Staf Balik Cuti Belajar 2012

Secara keseluruhan seramai 90 orang staf telah lapor diri di Bahagian Cuti Belajar sehingga 31 Disember 2012. Daripada jumlah tersebut seramai 52 orang telah lapor diri dari pengajian di peringkat PhD dan 38 orang di peringkat Sarjana. Daripada jumlah staf yang telah lapor diri di peringkat PhD seramai 19 orang telah berjaya mendapat PhD dan 33 orang telah berjaya di peringkat Sarjana. Selebihnya sedang menunggu keputusan rasmi dikeluarkan oleh Universiti pengajian dan ada juga yang masih dalam penulisan tesis.

Motivasi Bulanan

Program Motivasi Bulanan sebagai satu wadah penerapan dan pembentukan nilai murni serta suntikan motivasi dengan matlamat membina jati diri dan kendiri positif di kalangan warga kerja UTeM. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 10 program telah dijalankan dengan berfokus kepada isu-isu utama di kalangan staf dalam konteks kehidupan harian dan kerjaya.

Bengkel

Sepanjang 2012, sebanyak 4 bengkel telah dilaksanakan iaitu 2 Bengkel Personaliti dan 2 Bengkel Pengurusan Kewangan Berhemah. Bengkel Personaliti merupakan satu platform positif dalam langkah mengenali diri ke arah pembentukan jati diri dan keperibadian unggul. Bengkel Pengurusan Kewangan Berhemah (BPKB) atau dikenali sebagai POWER pula merupakan satu kaedah bimbingan kewangan yang sistematik ke arah melahirkan staf tanpa kadar keberhutangan tinggi.

Ujian Psikometrik Perjawatan

Bagi tujuan saringan Perjawatan Bukan Akademik dan Temuduga Skim Fellow Universiti, Ujian Psikometrik dilaksanakan sebagai medium pengukuran aspek psikologi calon dengan menggunakan 2 jenis inventori. Inventori Personaliti Sidek / Inventori Personaliti Eysenck digunakan bagi mengukur personaliti diri calon serta kestabilan emosi manakala Self-Directed Search akan mengukur minat dan kecenderungan kerjaya calon.

Perkhidmatan Kaunseling

Perkhidmatan kaunseling merupakan suatu proses perhubungan menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi. Ia dijalankan secara berfasa bagi membantu perkembangan dan penyesuaian peribadi klien yang baik dan menyeluruh. Pertemuan adalah secara sukarela atau dirujuk dan berperingkat berlandaskan Etika Kaunseling dan terikat di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Ia bertujuan membantu individu seperti memberi maklumat, menggalakkan celik akal, memberi sokongan, menyelesaikan konflik dan membuat keputusan.



Laporan Kewangan





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2012, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.


Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

(LIM CHIN TEONG)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
9 JULAI 2013



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, DATUK IR. DR. HAJI AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN dan DATUK WIRA OMAR BIN KASEH, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



.....
DATUK IR. DR. HJ. AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN
Pengerusi Lembaga Pengarah



.....
DATUK WIRA OMAR BIN KASEH
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 25 APR 2013
Melaka

Tarikh : 25 APR 2013
Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, KHAIRUL BIN TAIB, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas,
KHAIRUL BIN TAIB, di negeri Melaka
pada

28/3/2013

)
)
)
)
.....
KHAIRUL BIN TAIB
NO. K/P : 630321-01-6027

Di hadapan saya,

.....
PEPERUHUJAYA SUMPAH
No: A-M 041
AJNAH BINTI SULAIMAN
MAHKAMAH SESYEN
PEPERUHUJAYA SUMPAH
MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
**LEMBARAN IMBANGAN YANG DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2012**

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM	
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	<u>367,298,184</u>	<u>344,513,547</u>	<u>367,263,020</u>	<u>344,479,396</u>
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	5	<u>257,303,428</u>	<u>253,232,923</u>	<u>257,303,428</u>	<u>253,232,923</u>
SYARIKAT SUBSIDIARI	6	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>9,856,486</u>	<u>856,486</u>
ASET SEMASA					
Penghutang	7	<u>4,817,898</u>	<u>3,832,700</u>	<u>4,817,898</u>	<u>3,832,700</u>
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	8	<u>24,042,059</u>	<u>17,423,774</u>	<u>14,505,929</u>	<u>17,423,774</u>
Pendapatan Terakru		<u>-</u>	<u>10,332,859</u>	<u>-</u>	<u>10,332,859</u>
Simpanan Tetap	9	<u>137,000,000</u>	<u>114,050,000</u>	<u>137,000,000</u>	<u>114,050,000</u>
Tunai di Tangan dan di Bank		<u>21,625,002</u>	<u>20,932,250</u>	<u>18,920,850</u>	<u>19,708,106</u>
		<u>187,484,959</u>	<u>166,571,583</u>	<u>175,244,677</u>	<u>165,347,439</u>
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang	10	<u>29,882,756</u>	<u>17,050,766</u>	<u>27,638,256</u>	<u>16,848,061</u>
		<u>29,882,756</u>	<u>17,050,766</u>	<u>27,638,256</u>	<u>16,848,061</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>157,602,203</u>	<u>149,520,817</u>	<u>147,606,421</u>	<u>148,499,378</u>
		<u>782,203,815</u>	<u>747,267,287</u>	<u>782,029,355</u>	<u>747,068,183</u>
Dibiayai oleh :					
KUMPULANWANG MENGURUS	11	<u>93,637,835</u>	<u>99,819,060</u>	<u>93,637,835</u>	<u>99,819,060</u>
KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	12	<u>540,829,297</u>	<u>553,059,729</u>	<u>540,829,297</u>	<u>553,059,729</u>
KUMPULANWANG PENYELIDIKAN	13	<u>15,013,061</u>	<u>9,453,749</u>	<u>15,013,061</u>	<u>9,453,749</u>
KUMPULANWANG INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PFI)	14	<u>70,000,000</u>	<u>45,000,000</u>	<u>70,000,000</u>	<u>45,000,000</u>
KUMPULANWANG PINJAMAN KENDERAAN	15	<u>5,000,000</u>	<u>5,000,000</u>	<u>5,000,000</u>	<u>5,000,000</u>
KUMPULANWANG PINJAMAN KOMPUTER	16	<u>400,000</u>	<u>400,000</u>	<u>400,000</u>	<u>400,000</u>
KUMPULANWANG PENDAPATAN	17	<u>31,376,791</u>	<u>22,665,713</u>	<u>31,376,791</u>	<u>22,665,713</u>
KUMPULANWANG PERUNTUKAN KHAS	18	<u>20,549,905</u>	<u>7,957,448</u>	<u>20,549,905</u>	<u>7,957,448</u>
KEUNTUNGAN TERKUMPUL SYARIKAT SUBSIDIARI	19	<u>174,460</u>	<u>199,104</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
		<u>776,981,349</u>	<u>743,554,803</u>	<u>776,806,889</u>	<u>743,355,699</u>
KEPENTINGAN MINORITI		<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	20	<u>5,222,466</u>	<u>3,712,484</u>	<u>5,222,466</u>	<u>3,712,484</u>
		<u>5,222,466</u>	<u>3,712,484</u>	<u>5,222,466</u>	<u>3,712,484</u>
		<u>782,203,815</u>	<u>747,267,287</u>	<u>782,029,355</u>	<u>747,068,183</u>

Lembaran Imbangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota kepada penyata kewangan di muka surat 6 hingga 20.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM	
OPERASI BERTERUSAN					
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan	21	254,639,366	241,694,561	254,639,366	241,694,561
Yuran dan Hasil Pelajar		23,682,344	21,141,675	23,682,344	21,141,675
